

# Hakim tumpu kaedah penyampaian, fakta debat peserta

NILAI 27 Feb. - Isi kandungan dan kaedah penyampaian peserta merupakan aspek paling penting yang akan dihakimi pada Pertandingan Debat Keamanan Ala Presiden Antara Institut Pengajian Tinggi Piala Menteri Pengajian Tinggi yang bermula Jumaat ini.

Pertandingan tiga hari di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dekat sini itu bukan sekadar melihat kepetahan para pendebat menterjemahkan isu masing-masing dengan penuh yakin tetapi turut menitikberatkan penggunaan fakta serta pengetahuan semasa.

Ketua hakim pertandingan, Abdul Manan Ismail berkata, keuta-



maan para hakim adalah penggunaan isi berstruktur yang tepat serta meyakinkan oleh peserta.

“Para hakim melihat tahap keyakinan peserta, sejauh mana mereka boleh meyakinkan kita berhubung isu yang dibawanya itu termasuk ketika mencadang dan membangkang.

“Debat ini mempunyai pusingan

awal yang menggunakan kaedah ‘power match’, iaitu pendekatan bagi mencari pendebat yang paling layak untuk ke pusingan seterusnya,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Jelas Abdul Manan, seramai 67 hakim antaranya dari Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Pertubuhan Alumni Debat Malaysia (ADAM) akan berkhidmat pada pertandingan berkenaan.

Katanya, pada pusingan awal,



**ABDUL MANAN**

“Sebagai ketua hakim, harapan saya adalah agar pendebat dapat mengupas usul yang dikemukakan itu dengan fakta yang benar.

“Apa yang penting dalam debat itu kita mencari kebenaran, keme-

pendebat akan melalui lima pusingan yang akan menentukan kedudukan mereka dari tempat pertama hingga 40.

Beliau memberitahu, hanya lapan pendebat terbaik akan mara ke pusingan seterusnya iaitu peringkat suku akhir, separuh akhir dan akhir.

nangan yang kedua kerana kebenaran lebih penting.

Menurut beliau yang juga Pensyarah di Fakulti Syariah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), kebenaran itu perlu dibuktikan dengan penyampaian yang efektif.

“Penyampaian dan isi perlu bergerak seiring agar ia dapat menentukan kebenaran itu berada pada tempatnya dan kebenaran berkenaan akan ditentukan oleh barisan hakim,” ujarnya.

Semua ada majlis debat universiti Malaysia, hakim berpengalaman, dari dbp, alumni debat yang pelbagai latar belakang, peguam, sektor kerajaan swasta, yang mana hakim ini berwibawa.